



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

=====

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2018

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

3 halaman tidak bercetak.

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan

1 (a) Encik Danny telah menjalankan perniagaan menjual barangan elektrik dengan modal permulaan RM100 000. Beliau bercadang untuk meningkatkan pendapatan perniagaannya sama ada dengan membuka cawangan baru atau membesarkan premis perniagaannya yang sedia ada. Setelah meneliti jangkaan hasil dan jangkaan kos, Encik Danny telah membuat keputusan untuk membuka cawangan baru.

- (i) Apakah batasan perakaunan yang terlibat dengan situasi di atas? [1 markah]
(ii) Apakah kos lepas Encik Danny? [1 markah]

(b) Urus niaga berikut diperoleh dari buku Kedai Elektrik Jason.

Menerima cek bernilai RM8 700 daripada pelanggan untuk menjelaskan hutangnya yang berjumlah RM9 300.

Nyatakan kesan urusniaga di atas terhadap Ekuiti Pemilik. [2 markah]

(c) Dokumen berikut diperoleh dari buku Kedai Alatan Sukan Chan.

<p>ASAL</p> <p>Kedai Alatan Sukan Chan No 3, Jalan Merbah 70450 Kuala Pilah</p>	<p>INVOIS</p> <p>Mizan Sport No 15, Jalan Ampangan, 70400 Seremban</p>	<p>No: A009</p> <p>Tarikh: 5 Julai 2018</p>																												
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Kuantiti</th> <th style="width: 40%;">Butir</th> <th style="width: 20%;">Harga Seunit (RM)</th> <th style="width: 25%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">50 unit</td> <td>Bola Jaring</td> <td style="text-align: right;">60.00</td> <td style="text-align: right;">3 000.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">50 unit</td> <td>Bulu Tangkis</td> <td style="text-align: right;">55.00</td> <td style="text-align: right;">2 750.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">30 unit</td> <td>Bola Sepak</td> <td style="text-align: right;">80.00</td> <td style="text-align: right;">2 400.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: right; border-top: 1px solid black;">8 150.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">Tolak : Diskaun Niaga 20%</td> <td style="text-align: right; border-top: 1px solid black;">1 630.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">Jumlah</td> <td style="text-align: right; border-top: 3px double black; border-bottom: 3px double black;">6 520.00</td> </tr> </tbody> </table>	Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	50 unit	Bola Jaring	60.00	3 000.00	50 unit	Bulu Tangkis	55.00	2 750.00	30 unit	Bola Sepak	80.00	2 400.00				8 150.00	Tolak : Diskaun Niaga 20%			1 630.00	Jumlah			6 520.00		
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)																											
50 unit	Bola Jaring	60.00	3 000.00																											
50 unit	Bulu Tangkis	55.00	2 750.00																											
30 unit	Bola Sepak	80.00	2 400.00																											
			8 150.00																											
Tolak : Diskaun Niaga 20%			1 630.00																											
Jumlah			6 520.00																											
<p>(Ringgit: Enam Ribu Lima Ratus Dua Puluh Sahaja) Syarat: 5% 7 hari, 3% 10 hari Serahan : Angkutan Dibayar K.&K. di K.</p>																														
<p><i>Chan</i></p> <p>_____ Penerima</p>	<p><i>Mizan</i></p> <p>_____ Pengurus</p>																													

- (i) Apakah Buku Catatan Pertama yang terlibat untuk merekod urus niaga tersebut? [1 markah]
- (ii) Berapakah amaun yang akan dibayar sekiranya pembayaran dibuat pada 10 Julai 2018? [1 markah]
- (d) Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Anita Enterprise.

Pulangan jualan RM759 oleh Nizam telah dicatatkan dalam kedua-dua akaun sebagai RM696.

Sediakan catatan jurnal bagi membetulkan kesilapan di atas. [2 markah]

- (e) Maklumat berikut menunjukkan prestasi Firma Arjuna bagi tahun 2017.



- (i) Nyatakan tafsiran bagi nisbah Margin Untung Bersih yang diperoleh. [1 markah]
- (ii) Cadangkan satu cara untuk meningkatkan keuntungan perniagaan. [1 markah]

2 (a) Asmadi, Husin dan Amdan ialah pekongsi dalam Perkongsian AHA. Ikatan Perjanjian Perkongsian mereka adalah seperti berikut:

- (i) Faedah atas ambilan dikenakan sebanyak 5% setahun .
- (ii) Faedah atas modal dibayar 10% setahun.
- (iii) Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun.
- (iv) Husin dan Amdan menerima gaji RM13 000 setahun setiap seorang.
- (v) Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah 3:2:1.

Maklumat berikut diperoleh pada 30 Jun 2018:

	RM
Modal pada 1 Julai 2017:	
Asmadi	30 000
Husin	20 000
Amdan	10 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2017:	
Asmadi	2 400
Husin	3 560 (debit)
Amdan	1 370
Ambilan:	
Asmadi (1 Januari 2018)	1 800
Husin	1 500
Amdan	1 200
Gaji:	
Husin	13 000
Amdan	7 000
Pinjaman – Husin	25 000
Faedah atas Pinjaman	1 500

Maklumat Tambahan :

Untung bersih ialah RM83 160 dan belum mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) Gaji pekerja belum bayar RM1 000.
- (ii) Bayaran oleh penghutang terlebih catat RM300.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2018. [6 markah]
- (ii) Akaun Semasa pekongsi (beruangan). [7 markah]

2 (b) Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Batik Badrul yang beroperasi di Gemas, Negeri Sembilan.

2017		RM
1 Januari	Inventori barang siap	10 000
	Inventori bahan langsung	2 570
31 Disember	Inventori barang siap	25 000
	Inventori bahan langsung	1 895
	Inventori alat kecil	200
	Jualan barang siap	36 000
	Belian bahan langsung	15 925
	Angkutan masuk bahan langsung	470
	Gaji operator pengeluaran	10 278
	Gaji pengurus kilang	4 110
	Gaji pentadbiran pejabat	3 450
	Pulangan belian bahan langsung	5 925
	Paten	5 000
	Kadar bayaran	655
	Belanja am	285
	Insurans	240
	Susut nilai mesin kilang	1 200
	Alat kecil	1 000

Maklumat Tambahan:

- (i) Kadar bayaran belum bayar ialah RM250.
- (ii) Pembahagian belanja antara kilang dan pejabat ialah 60% dan 40% masing-masing.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. [9 markah]
- (ii) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. [3 markah]

- 3 Encik Rizman mengamalkan sistem catatan tunggal dalam penyediaan rekod perakaunannya. Baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Akaun Belum Terima	8 300	9 850
Akaun Belum Bayar	4 500	6 450
Kenderaan (harga kos)	18 000	18 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	1 500	?
Inventori	2 500	2 900
Tunai	120	80
Bank	3 900	13 200
Gaji belum bayar	2 250	-
Insurans prabayar	-	2 450
Inventori Alat tulis	50	40
Pinjaman (matang pada 31 Disember 2020)	11 200	8 400
Modal	13 420	

Ringkasan Buku Tunai perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :

	Bank RM	Tunai RM
Penerimaan:		
Jualan	-	5 200
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	83 000	
Tunai di Bank	3 000	
Pembayaran:		
Belian		900
Gaji	3 180	470
Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar	62 500	
Ambilan	3 500	?
Tunai di Bank		3 000
Alat tulis	80	30
Insurans	4 640	
Pinjaman	?	

Maklumat Tambahan:

- (i) Kenderaan yang dibeli mempunyai tempoh usia guna 5 tahun dan nilai skrap RM500.
- (ii) Pulangan jualan oleh pelanggan berjumlah RM500 belum direkod dalam buku perniagaan.
- (iii) Peruntukan hutang ragu ialah pada kadar 2% atas baki Akaun Belum Terima terkini.
- (iv) Faedah atas pinjaman dikenakan 8% setahun atas baki pinjaman.
- (v) Ambilan barang niaga sepanjang tahun berjumlah RM150 sebulan.

Anda dikehendaki:

- (a) menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima. [3 *markah*]
- (b) menghitung ambilan dalam Akaun Tunai. [2 *markah*]
- (c) menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. [12 *markah*]
- (d) menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017. [8 *markah*]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

4 (a) Baki-baki berikut didapati daripada buku perniagaan Kedai Alatan Sukan Zakwan.

	2016	2017
	RM	RM
Kenderaan (Harga Kos)	100 000	100 000
Akaun Belum Terima	15 000	40 000
Akaun Belum Bayar	55 000	66 000
Peruntukan Hutang Ragu	3 750	?
Susut nilai terkumpul kenderaan	12 500	?
Insurans prabayar	1200	500
Komisen belum terima	1 500	-
Komisen belum terperoleh	-	800

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 .

- (i) Insurans yang telah dibayar ialah RM6 000.
- (ii) Komisen diterima sepanjang tahun adalah RM5 200.
- (iii) Seorang pelanggan telah diisytiharkan muflis dan hutangnya sebanyak RM500 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 8% daripada Akaun Belum Terima Bersih.
- (v) Kenderaan disusut nilaikan 10% setahun menggunakan kaedah ansuran tetap.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Insurans [3 markah]
- (ii) Akaun Komisen Diterima [3 markah]
- (iii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan [3 markah]
- (iv) Akaun Peruntukan Hutang Ragu [3 markah]

4 (b) Modal diterbitkan oleh Syarikat Azia pada 1 Ogos 2017 adalah seperti berikut:

750 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer
250 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer

Kesemua saham ini telah dilanggan dan dibayar penuh semasa permohonan. Pada 1 Januari 2018, Lembaga Pengarah telah membayar 5% Dividen Interim. Pada tahun berakhir 31 Julai 2018, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan 10% Dividen Akhir.

Anda dikehendaki menghitung:

- | | |
|--|------------|
| (i) Modal diterbitkan | [2 markah] |
| (ii) Jumlah Dividen interim | [2 markah] |
| (iii) Jumlah Dividen Akhir | [2 markah] |
| (iv) Apakah maksud Dividen Interim? | [1 markah] |
| (v) Apakah tindakan syarikat sekiranya modal diterbitkan terlebih langganan? | [1 markah] |

5 (a) Berikut adalah maklumat yang diberikan oleh Encik Firash pemilik Syarikat Rash Fruity yang beroperasi di Seremban 2.

(i) Baki pada 1 Oktober 2018.

Tunai di Bank	RM25 000
Akaun Belum Terima	RM10 000

(ii) Anggaran jualan bagi 3 bulan pertama adalah seperti berikut :

Oktober	RM20 000
November	RM18 000
Disember	RM26 000

Jualan pada bulan September adalah RM15 000. Semua jualan diberi tempoh kredit sebulan.

(iii) Anggaran belian tunai bagi 3 bulan pertama adalah seperti berikut:

Oktober	RM15 000
November	RM10 000
Disember	RM18 000

(iv) Perbelanjaan bagi setiap bulan adalah:

Kadar bayaran	RM1 200
Upah	RM1 800
Sewa	RM1 100
Belanja am	RM 900

(v) Kadar bayaran dijangka meningkat sebanyak 10% setiap bulan manakala belanjawan-belanja lain adalah kekal.

(vi) Pemilik bercadang membeli peti sejuk pada bulan November bernilai RM10 000. 40% dari harga peti sejuk dibayar pada masa pembelian manakala bakinya dibayar secara ansuran bulanan sebanyak 2 kali bermula pada bulan Disember.

(vii) Pinjaman sebanyak RM40 000 akan diterima pada bulan November dengan kadar faedah 10% setahun selama 5 tahun. Bayaran ansuran pertama akan dibayar pada bulan berikutnya.

(viii) Pemilik membawa masuk perabot bernilai RM10 000 pada bulan November.

Sediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2018.

[10 markah]

- 5 (b) Kelab Basikal JJ adalah salah sebuah kelab yang aktif melaksanakan aktiviti riadah dan pengembaraan berbasikal di Daerah Melang.

Maklumat berikut diambil daripada rekod perakaunan kelab tersebut.

	1 Jun 2017	31 Mei 2018
	RM	RM
Peralatan Sukan	70 000	65 000
Kadar bayaran belum bayar	-	250
Kadar bayaran prabayar	100	-
Simpanan tetap	3 000	
Yuran belum terperoleh	400	720
Yuran belum terima	150	240

Akaun Bank

	RM		RM
Baki b/b	20 150	Hadiah pertandingan basikal	7 890
Yuran ahli	17 680	Pelbagai belanja pertandingan basikal	2 560
Kutipan yuran pertandingan basikal	18 756	Kadar bayaran	2 000
Bayaran masuk	5 600		

Maklumat tambahan:

- (i) Yuran belum terima sebanyak RM50 dianggap sebagai yuran lapuk.
- (ii) Bayaran masuk bertujuan untuk membina stor peralatan sukan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Yuran. [4 markah]
- (ii) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mei 2018 dengan menunjukkan Untung atau Rugi Pertandingan Basikal. [4 markah]
- (iii) Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Jun 2017. [2 markah]

6 (a) Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Jugra yang mengeluarkan kasut sukan.

	RM
Kos Tetap	12 000
Kos berubah	10 000
Jualan (RM4.00 seunit)	24 000

Dengan menggunakan kaedah graf :

- (i) Lakarkan:
- (a) Garisan Kos Tetap
 - (b) Garisan Jumlah Hasil
 - (c) Garisan Jumlah Kos
 - (d) Labelkan Titik Pulang Modal.
 - (e) Nyatakan keuntungan yang diperolehi jika Kilang Jugra mengeluarkan 10 000 unit kasut. (Tunjukkan luas kawasan untung pada graf).

Nota: Gunakan kertas graf yang disediakan dalam lampiran.

[10 markah]

- (ii) Kira kuantiti kasut yang perlu dikeluarkan untuk mendapat keuntungan sebanyak RM18 000 menggunakan kaedah margin caruman.

[2 markah]

6 (b) Maklumat berikut dipetik dari buku-buku Perniagaan Trivina.


	1 Julai 2017 RM	30 Jun 2018 RM
Baki debit Akaun Kawalan Belum Terima	25 000	18 000
Baki kredit Akaun Kawalan Belum Terima	4 600	?

Urus niaga sepanjang tahun kewangan:

	RM
Jualan tunai	8 600
Diskaun diberi	240
Diskaun diterima	460
Cek diterima daripada penghutang	36 800
Pulangan keluar	180
Cek tak laku	1 200
Diskaun diberi ditarik balik	100
Pindahan baki dari lejar belian ke lejar jualan	800
Tambahan peruntukan hutang ragu	187

- (i) Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima [6 markah]
- (ii) Apakah tujuan penyediaan Akaun Kawalan? [1 markah]
- (iii) Nyatakan sumber maklumat bagi jumlah jualan dalam Akaun Kawalan Belum Terima. [1 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



Lampiran

